

Soalan (S): Bagaimana Datuk menerima pelantikan sebagai Ketua Pengarah (KP) JKDM dan tanggungjawab yang diamanahkan?

Jawapan (J): Pelantikan ini memang kejutan buat saya kerana ia juga mencatat sejarah bagi ASEAN apabila seorang wanita diberi tanggungjawab memimpin organisasi kastam. Ketika dilantik, saya hanya ada baki tiga bulan setengah sebelum 2023 berakhir.

Jadi, saya perlu 'memecut' untuk mencapai sasaran hasil RM53.5 bilion ditetapkan Kementerian Kewangan ketika itu. Hari kedua sebagai KP, saya terus turun padang secara mengejut ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) meninjau sendiri masalah mesin pengimbas tidak beroperasi.

JKDM agensi pembangunan hasil negara, iaitu cukai tidak langsung jadi, strategi saya ialah 'seeing is believing'. Saya tak mahu hanya terima laporan, tetapi ingin lihat sendiri apa masalah yang mungkin menyebabkan berlaku ketirisan hasil. Jadi, segala kelemahan diatasi segera dan Alhamdulillah pada 2023, kami merekodkan sejarah melepasi sasaran ditetapkan dengan kutipan hasil RM55.1 bilion.

S: Usaha terkini jabatan dalam membanteras penyeludupan dan barang terlarang?

J: Tahun lalu, JKDM merekodkan 135 kes penyeludupan dadah ke dalam atau keluar Malaysia melalui udara, peningkatan 22 peratus atau 24 kes berbanding 111, tahun sebelumnya. Kami merangka pelbagai strategi bagi membanteras penyeludupan barang tidak dinilai kastam dan barang larangan, termasuk dadah dengan beralih daripada pendekatan berasaskan output (bilangan kes) kepada pendekatan berasaskan 'outcome' (nilai dan duti atau cukai).

Tumpuan utama kepada kes berimpak tinggi, termasuk kontena berskala besar. Langkah ini bagi memaksimumkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan dan memastikan hasil negara dilindungi dengan lebih menyeluruh.

S: Apakah operasi yang dijalankan bagi mengekang penyeludupan?

J: Antara tindakan itu ialah melaksanakan operasi antara bahagian dan agensi penguatkuasaan seperti Operasi Pantai Timur dan Operasi Palang. Juga operasi membabitkan agensi penguatkuasaan antarabangsa melalui Pasukan Petugas Bersama (JTF) Mengenai Narkotik (Malaysia-Indonesia), Operasi Patkor Optima (Malaysia-In-

donesia) dan Operasi bersama Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

Selain itu, JKDM melaksanakan operasi di pelabuhan seperti Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Klang di Selangor, Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NBCT), Pulau Pinang; Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor; Pelabuhan Sepanggar, Sabah dan Pelabuhan Bintulu, Sarawak. Kami turut menjalankan libat urus bersama MAHB dan Cargo Terminal Operator (CTO).

Melalui Cawangan Siasatan Khas (CSK), kami juga mengambil tindakan siasatan kesalahan jenayah mengikut Akta Kastam 1967 membabitkan industri dan anggota kastam sendiri. Ia dibuat melalui operasi bersama pasukan petugas pelbagai agensi (MATF), perkongsian maklumat (Regional Intelligence Liaison Office (RILO)), perkongsian pintar bersama pihak industri, Persekutuan Pengeluar Tembakau Malaysia (CMTM) serta pasukan petugas Malaysia-Brunei. Ini bagi memperkemas ciri setem cukai untuk membanteras setem cukai palsu.

S: Bagaimana pemeriksaan dagangan import eksport bagi mengelak berlaku ketirisan hasil?

J: JKDM melaksanakan pemeriksaan 100 peratus ke atas dagangan import dan eksport menggunakan teknologi pengimbasan berasaskan kecerdasan buatan (AI). Langkah strategik ini bagi memastikan pematuan undang-undang, mencegah kemasukan barangan terlarang dan melindungi industri tempatan daripada ancaman penyeludupan serta mengurangkan ketirisan hasil negara. Sebab itu, kami tambah 40 mesin pengimbas bagasi moden berkeupayaan tinggi dilengkapi teknologi AI, malah kami menempatkan 20 anjing pengesanan dadah (APD) di lokasi berisiko untuk banteras penyeludupan dadah dengan lebih efektif.

S: Inisiatif baharu jabatan untuk memantau dan menghalang penyeludupan barangan berbahaya?

J: Tahun ini, kami akan buat operasi antara bahagian. Antaranya termasuk Operasi Setem Cukai Palsu dan Ciri Keselamatan Baharu, Operasi Kenderaan Import, Operasi Gudang Pengilangan Berlesen

dan Operasi Pengecualian Duti Kastam mengikut Seksyen 14(2) Akta Kastam 1967. Pada masa sama, kami wujudkan sebuah pusat kawalan perisikan dengan penambahbaikan elemen utama perisikan.

Ini merangkumi pemusatan arahan tindakan tugas perisikan, capaian kepada semua sistem atau aplikasi dari dalam atau luar jabatan serta memperkasakan tindakan penganalisaan, 'profiling' dan penyasaran ke atas pengurusan risiko yang dikenal pasti bagi meminimumkan ketirisan hasil serta memelihara keselamatan negara.

Kami juga akan memantau pintu keluar masuk menggunakan kamera litar tertutup (CCTV) menerusi pelaksanaan Kompleks Imbasan Berpusat CCTV (CSCC) secara rintis di Pelabuhan Klang. Selain itu, kami terus perkasakan libat urus bersama MAHB dan CTO dengan mensasarkan komoditi yang berisiko.

S: Bagaimana memastikan barang import patuh piawaian keselamatan,

kualiti ditetapkan?

J: Kami melaksanakan kawalan piawaian keselamatan dan kualiti ditetapkan lain-lain agensi kerajaan (OGA) melalui Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023. Barangan dan dagangan tertakluk kepada pemeriksaan agensi yang mengawal atur.

Prosedur import membabitkan Pengikraran dan Pentaksiran Borang Kastam, iaitu semua barangan diimport perlu diikrar kepada JKDM melalui borang kastam. Kami periksa, semak borang kastam diikrar bersama dokumen sokongan seperti inoivis, senarai pembungkusan, 'Bill of Lading', manifes dan sebagainya untuk memastikan ikrar dan duti dibayar tepat dan betul.

Seterusnya, semakan dan pengesahan dokumen dibuat. Sebelum barangan diimport, pengimport perlu memastikan ada dokumen yang relevan seperti permit import dan surat kelulusan bagi memastikan barangan itu memenuhi keperluan keselamatan dan kualiti ditetapkan.

Kemudian, pemeriksaan fizikal dilakukan terhadap barangan diimport bagi memastikan ia mematuhi piawaian keselamatan dan kualiti ditetapkan OGA. Antara prosedur lain dikendalikan JKDM ialah pembayaran duti atau cukai membabitkan duti kastam, biasanya dikira berdasarkan nilai dan klasifikasi barangan serta Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

Hal ini kerana kerajaan juga mengenakan cukai jualan ke atas barangan import pada kadar berbeza bergantung kepada produk.

Kastam perkukuh tatakelola, fokus tambah hasil negara

Tahun lalu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya memperoleh kutipan hasil RM65.67 bilion, meningkat hampir 20 peratus berbanding RM55.17 bilion tahun sebelumnya. Antara faktor menyumbang kutipan hasil signifikan selepas agensi diketuai **Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin** yang menjadi wanita pertama dilantik sebagai ketua pengarahnya pada 25 September 2023 itu, melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menambah hasil negara dan pada masa sama tegas menangani isu dalaman membabitkan integriti dan tatakelola. Beliau yang juga wanita pertama menerajui agensi perkastaman di ASEAN dan meletakkan JKDM di kedudukan ke-30 dalam Organisasi Kastam Dunia (WCO) berkongsi pengalaman bersama **Pengarang Berita Kanan BH, Sariha Mohd Ali dan wartawan, Mahani Ishak.**

“Tumpuan utama kepada kes berimpak tinggi. Langkah ini bagi memaksimumkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan dan memastikan hasil negara dilindungi dengan lebih menyeluruh”

